

BAB TIGA:

**PENGAJIAN SYARIAH DI
KUSZA**

3.1) PENDAHULUAN

Kewujudan pelbagai institusi pengajian tinggi di negara kita telah membuka peluang kepada rakyat untuk menguasai pelbagai bidang ilmu. Program-program pengajian di IPT bukan sahaja berbentuk kejuruteraan, perubatan, sains teknologi atau komputer, malah ia turut menawarkan program pengajian Islam. Kursus pengajian Islam ini ditawarkan samada sebagai program ijazah ataupun program diploma.

Salah sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan program Pengajian Islam ialah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu. Menyedari pengajian Syariah sebagai satu pengajian yang amat penting, maka KUSZA telah memperkenalkannya sebagai kursus yang terawal di sini. Dengan usia yang telah menjangkau 22 tahun, pengajian Syariah di KUSZA sepatutnya telah melalui tempoh matangnya.

Dalam bab ketiga ini, penulis cuba mengenali latarbelakang KUSZA dengan lebih mendalam. Bab ini dimulai dengan kajian terhadap latarbelakang KUSZA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang unggul di rantau ini. Ia termasuklah perbincangan tentang bagaimana KUSZA mendapat namanya, sejarah penubuhannya, falsafah dan objektif KUSZA dan huraian tentang lambangnya. Selain itu, penulis turut membincangkan mengenai kemudahan dan kebajikan para pelajar.

Dalam bahagian seterusnya, dibincangkan pula perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur pentadbiran KUSZA. Penulis kemudiannya menyentuh tentang program-program yang ditawarkan di KUSZA secara keseluruhannya berserta dengan dekan masing-masing.

Bahagian kelima merupakan bahagian yang paling penting dalam bab ini. Ini kerana ia membincangkan tentang program DPI (Syariah) di KUSZA. Perbincangan difokuskan kepada objektif kursus Syariah, syarat-syarat kemasukan, tempoh dan struktur pengajian, peperiksaan dan sistem penilaian, pensyarah dan juga tentang pengiktirafannya.

Seterusnya, penulis merasakan adalah penting untuk mengenalpasti penerbitan dan penyelidikan yang telah dijalankan oleh para pensyarah dan pelajar DPI (Syariah) KUSZA.

3.2) PENUBUHAN KOLEJ AGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN (KUSZA).

3.2.1) Di Sebalik Nama Sultan Zainal Abidin III.

Nama KUSZA atau Kolej Agama Sultan Zainal Abidin dipilih sempena nama Sultan Zainal Abidin III yang telah ditabalkan sebagai Sultan Terengganu pada 18 Disember 1881. Baginda amat terkenal dengan sifat alim dan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Justeru, baginda memerintah negeri Terengganu dengan melaksanakan hukum Allah¹. Seorang sarjana Barat, iaitu J.De Vere Allen telah mengakui keunggulan pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dengan menjelaskan bagaimana kaedah baginda menjatuhkan hukuman.

“Dalam kes-kes jenayah, keterangan dari dua pihak didengar oleh baginda tetapi akhirnya dirujuk kepada al-Quran untuk mendapatkan satu keputusan menjalankan hukuman itu. Jenis-jenis hukuman yang mungkin dikenakan ialah mati dicekik, penjara, denda, dera dan kalau berlaku kesalahan zina, perempuan yang bersalah itu ditanam setakat pinggang di halaman pasar untuk 1 hari, orang ramai diizinkan merejam pesalah itu dengan batu. Sekiranya dia masih hidup, dia akan dibebaskan. Hukuman dera dikhaskan untuk pesalah-pesalah muda dan kadang-kadang perempuan. Deraan dikenakan ke bahagian punggung, tanpa membuang pakaian. Hukuman tidak sahaja dikenakan kepada orang Islam tetapi juga non Muslim. Ia jelas apabila seorang Cina bernikah dengan perempuan Melayu. Dia diberi dua pilihan sama ada masuk Islam dan mengahwini perempuan itu ataupun dihukum penjara. Jumlah yang mati dihukum dalam masa 27 tahun pemerintahan baginda ialah hanya 5 orang iaitu 3 orang Cina dan 2 orang Melayu. Kejayaan ini disebabkan keinginan dari golongan pemerintah dan kegigihan para ulama’ sehingga timbul kesedaran

¹ “Di Sebalik Nama Sultan Zainal Abidin III” , dalam *Majalah Al-Ussrah* 2001. Terengganu:Badan Penerbitan Dan Penerangan Dewan Tertinggi Pelajar KUSZA. h 27.

persijilan, iaitu Tingkatan Empat Sastera-Agama. Pelajar-pelajar angkatan pertama ini memulakan sesi pengajian pada 27hb Januari 1980 dengan menumpang di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin (SMAASZA), Batu Buruk, Kuala Terengganu⁴.

Kolej ini ditubuhkan melalui Enakmen Bilangan 3 Tahun 1981 Kerajaan Terengganu. Dewan Undangan Negeri Terengganu telah meluluskan enakmen ini pada 22hb Ogos 1981. Ia berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1980 bagi menubuh dan memperbadankan KUSZA sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam.⁵

Setelah lebih setahun menumpang di SMAASZA, pelajar-pelajar KUSZA dipindahkan ke Jalan Hiliran, Kuala Terengganu. Mereka ditempatkan di sebuah bangunan sementara di situ selama setahun lapan bulan, iaitu mulai 19hb April 1981 sehingga Disember 1982. Ketika itu, kampus tetap KUSZA di Gong Badak sedang dalam proses pembinaan⁶.

Majlis Perletakan Batu Asas Kampus Tetap KUSZA di Gong Badak, Kuala Terengganu telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu pada 17hb Mac 1981. Kampus ini dibina dengan keluasan 350 ekar (144 hektar). Pada Januari 1983, kesemua pelajar telah dipindahkan ke kampus tetap ini⁷.

⁴ *Buku Panduan Hal Ehwal Pelajar* (t.th), h. 1.

⁵ *Ibid.*

⁶ *Buku Panduan KUSZA (1987)*, Kuala Terengganu: KUSZA, h. 9.

⁷ *Ibid.*

Walaupun belum siap sepenuhnya, namun ia sudah mampu menampung jumlah pelajar ketika itu.

Pada peringkat permulaan, KUSZA diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Setelah 2 tahun ditubuhkan, iaitu pada bulan April 1982, KUSZA mula beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah Badan Berkanun⁸.

3.2.3) Falsafah Dan Objektif KUSZA.

Falsafah KUSZA:

“MEMBENTUK GENERASI MUSLIM YANG BERTAQWA
MELALUI ILMU, IMAN, AMAL DAN AKHLAK”.

Dalam memastikan falsafah di atas terlaksana, KUSZA telah menggariskan beberapa objektif:

- 1) Melaksanakan sistem pendidikan Islam yang sistematik.
- 2) Melahirkan generasi yang berilmu dan mampu menyebarkan Islam menurut al- Quran dan al-Sunnah.
- 3.) Mendekati masyarakat ke arah menghayati Islam sebagai cara hidup Ummah.
- 4) Mewujudkan golongan professional dan semi-profesional yang berteraskan Islam.

⁸ “Sejarah Penubuhan KUSZA” .dalam *Majalah Al-Ussrah* (2001). h 6.

- 5) Meningkatkan kemajuan Ummah dan pembangunan masyarakat selaras dengan Islam .⁹

3.2.4) Lambang Kolej.



BENTUK SEPARUH BULATAN merupakan teknologi dan bentuk kubah masjid melambangkan pusat ilmu pengetahuan dan aktiviti ibadah masyarakat Islam. Lima kubah yang didasarkan pada bentuk tiga segi merupakan simbol Rukun Islam dan dalam masa yang sama menentukan matlamat kolej ini untuk membentuk generasi Muslim yang bertaqwa melalui ilmu, iman, amal dan taqwa¹⁰.

BULAN SABIT melambangkan unsur keislaman. Ini bermakna segala program pengajian di Kolej ini berteraskan keislaman.

BULATAN PENUH merupakan simbol perpaduan yang wujud di dalam Islam yang menjadi cita-cita kolej ini. Bulatan juga merupakan teknologi yang asasi di dalam Islam.

⁹ *Buku Panduan Kemasukan KUISZA* (1 th), Kuala Terengganu: KUSZA, h. 2.

¹⁰ *Idul-Ilmi Kali Ke-18* (2002), Kuala Terengganu: KUSZA, h. 9.

BUKU HIJAU TERBUKA melambangkan al-Quran sebagai punca segala ilmu pengetahuan dan simbol autonomi kolej ini.

LOGO NEGERI TERENGGANU menandakan bahawa kolej ini terletak di bawah Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman.

WARNA PUTIH DAN HITAM melambangkan warna bendera Negeri Terengganu Darul Iman. Warna putih melambangkan kesucian dan kebersihan yang menjadi cita-cita kolej ini.

WARNA HITAM membawa erti bahawa hidup dalam kegelapan tetap diterangi oleh warna putih atau cahaya sebagai sumber ilmu.¹¹

WARNA HIJAU melambangkan keislaman dan kesuburan. Ini bermakna kolej ini merupakan pusat pendidikan Islam yang sentiasa cergas dan dinamik.

WARNA KUNING melambangkan ketinggian dan kemuliaan ilmu. Ini bermakna kolej ini sentiasa memuliakan ilmu pengetahuan dan meletakkannya di tempat yang paling tinggi.

MOTO KUSZA atau Iman, Ilmu dan Taqwa ditulis dengan tulisan Jawi. Perkataan dan tulisan ini melambangkan keislaman dan identiti Negeri Terengganu Darul Iman.

¹¹ *Ibid.*

NAMA KOLEJ AGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN ditulis di bawah melingkungi sebahagian logo¹².

3.2.5) Kemudahan dan Kebajikan Pelajar

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, KUSZA turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada para pelajarinya. Kemudahan yang disediakan ini telah banyak membantu proses pembelajaran pelajar sehingga ia menjadi bertambah mudah dan lancar. Di antara kemudahan-kemudahannya ialah:

1) Asrama

Asrama pelajar perempuan dibina di dalam kampus bagi menjamin keselamatan para pelajar ni. Bagi pelajar lelaki pula, mereka ditempatkan di luar kawasan kampus, iaitu di Kampung Tok Jembal.¹³ Selain kemudahan tempat tinggal, KUSZA turut menyediakan sarapan , makan tengahari dan juga makan malam.

2) Perubatan

Kemudahan rawatan dan perubatan juga disediakan kepada setiap pelajar. Rawatan ini disediakan oleh Kementerian Kesihatan. Mereka akan dihantar ke pusat-pusat perubatan dengan menggunakan pengangkutan yang disediakan

¹² *Ibid.*

¹³ Kamarudin Bin Awang Mat (Penyelaras Program Syariah KUSZA), Kuala Terengganu Pejabat Pentadbiran Sekolah Pengajian Islam KUSZA, 6 Ogos 2002, jam 10.30 pagi

oleh pihak KUSZA. Bagi pelajar-pelajar yang memerlukan rawatan rapi, mereka akan ditempatkan di Wad Kelas 2 di bawah biayaan KUSZA.¹⁴

3) Perkhidmatan Rundingcara

Seramai 3 orang Pegawai Rundingcara yang terlatih dan berpengalaman ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan ini. Ia bertujuan membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah emosi, peribadi, kerjaya, urusan pinjaman kewangan dan sebagainya¹⁵.

4) Sukan Dan Riadah

KUSZA bukan sahaja menitikberatkan mutu pembelajaran para pelajarnya, malah turut menekankan kesihatan dan kecerdasan mereka. Pelbagai kemudahan rekreasi seperti padang bola, gelanggang tennis, sepaktakraw dan juga gymnasium turut disediakan. Peralatan-peralatan sukan disediakan oleh Unit Sukan. Kenderaan Kolej turut disediakan untuk kemudahan bersukan di luar kampus.

5) Kafetaria

Sebuah Kafetaria disediakan di bangunan pentadbiran bagi memberi kemudahan kepada kakitangan dan para pelajar. Ia turut menerima tempahan

¹⁴ *Buku Panduan Kemasukan KUSZA* (1 th), h. 3.

¹⁵ *Ibid.*

untuk majlis-majlis tertentu. Kafeteria ini boleh memuatkan 100 tempat duduk dalam satu masa.¹⁶

3.3) STRUKTUR PENTADBIRAN KUSZA.

KUSZA mempunyai struktur pentadbiran yang disusun secara sistematik. Ia dibentuk bertujuan memastikan KUSZA akan terus berkembang sebagai pusat pengajian Islam yang agung. Secara umumnya, Pengarah merupakan ketua eksekutif pentadbiran di KUSZA. Pengarah pula dikawal oleh Majlis KUSZA di mana Majlis ini dibentuk sepertimana yang diperuntukkan oleh Enakmen Kolej¹⁷.

3.3.1) Majlis KUSZA

Majlis KUSZA merupakan badan atau pihak berkuasa yang tertinggi dalam segala pengurusan KUSZA. Segala dasar yang dilaksanakan di KUSZA adalah ditetapkan oleh Majlis. Majlis ini terdiri daripada :

- i) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan
- ii) Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
- iii) Penasihat Undang-undang Negeri
- iv) Pegawai Kewangan Negeri
- iv) Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama
- v) Pengarah Kolej

¹⁶ *Ibid.*, h. 4

¹⁷ *Buku Panduan KUSZA (1987)*, h. 12.

vi) 7 orang yang lain yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.¹⁸

Senarai Ahli Majlis KUSZA 2002

PENGERUSI

Y.B. Tuan Haji Harun Bin Taib (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu).

TIMBALAN PENERUSI

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee, D.S.M.T., D.P.M.T., P.J.C., P.J.K., B.L.B.¹⁹

AHLI-AHLI

- 1) Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Haji Ab. Karim Bin Ab. Rahman, D.P.M.T. Y.B.
- 2) Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Ibrahim Bin Abd. Rahman, D.P.M.T., A.S.M., P.J.C., P.J.K., B.L.B.
- 3) Pesuruhjaya Hal Ehwal Negeri Terengganu, Y.M. Engku Mohamed Bin Engku A.Rahman, A.S.M., S.M.T., P.J.C., P.J.K.
- 4) Y.B. Haji Wan Muttalib Bin Embong (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu).
- 5) Y.B. Haji Abu Bakar bin Chik, S.M.T. (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu).

¹⁸ *Buku Panduan 1989-1991*, h. 11.

¹⁹ *I'dul-Imi Kali Ke-18* (2002), h. 10.

- 6) Y.Bhg Tan Sri Dato' (Dr) Arshad bin Ayub, P.S.M., S.P.S.K., D.P.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., D.P.M.T., P.G.D.K.,J.M.N.
- 7) Y.B. Dr. Shafie bin Abu Bakar Y,Bhg. 'Dato' Dr. Mahfodz bin Muhamed, D.S.S.A.
- 8) Y. Bhg. Dr. Hamzah Bin Ismail, S.M.T., K.M.N.
- 9) Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Kamaruzzaman bin Yusof (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- 10) Pengarah KUSZA (Y. Bhg. Prof Madya Dr Anuar bin Zainal Abidin) .²⁰

SETIAUSAHA

Pendaftar KUSZA, Y. Bhg. Tuan Haji Nurul Huda @ Ariffin Bin Muda, S.M.T., P.J.K.²¹

Bagi memastikan lagi kelancaran pentadbiran KUSZA, 3 Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Majlis KUSZA:

(i)Jawatankuasa Akademik

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memberi syor-syor yang berkaitan dengan urusan akademik. Di bawah Jawatankuasa Akademik, ditubuhkan pula Lembaga Peperiksaan yang bertanggungjawab mengendalikan urusan peperiksaan para pelajar KUSZA.

²⁰ *Ibid*

²¹ *Ibid*

PENGERUSI

Pengarah KUSZA (Y.Bhg. Prof Madya Dr Anuar bin Zainal Abidin)

AHLI-AHLI

- 1) Y.Bhg. Dato' Dr. Mahfodz bin Muhamed (Wakil Majlis KUSZA).
- 2) Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Kamaruzzaman bin Yusof (Wakil Majlis KUSZA)
- 3) Y.Bhg. Dr. Abdullah bin Abu Bakar (Wakil Majlis KUSZA)
- 4) Y. Bhg. Prof. Dr. Mohd. Zaki bin Abdul Muin (Wakil Majlis KUSZA)
- 5) Y. Bhg. Dr. Shaare bin Endut. (Wakil Majlis KUSZA)
- 6) Timbalan Pengarah (Akademik) (Y.Bhg. Encik Mohd. Yassin bin Muda)
- 7) Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Pelajar) (Y.Bhg. Encik Wan Abdullah bin Wan Salleh)²²
- 8) Timbalan Pengarah (Pembangunan) Ketua Penolong Pesuruhjaya (Pendidikan), Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (Y.Bhg. Tuan Haji Yusoff bin Embong)
- 9) Dekan Sekolah Pengajian Islam (Y. Bhg. Dr. Salleh bin Ismail)
- 10) Dekan Sekolah Pengajian Pengurusan (Y.Bhg. Encik Ahmad Fakaruddin bin Abdul Rahman)
- 11) Dekan Sekolah Pengajian Umum (Y. Bhg. Encik Razali bin Awang)
- 12) Dekan Pusat Bahasa (Y. Bhg. Dr. Normah bin Yusof)
- 13) Dekan Sekolah Kejuruteraan (Y. Bhg. Encik Muhamad Ruzlan bin Musanih)
- 14) Dekan Pusat Teknologi Maklumat (Y. Bhg. Encik Mohd. Isa bin Awang)

²² *Ibid.*

- 15) Dekan Sekolah Pengajian Pendidikan (Y.Bhg. Encik Abdul Rahim bin Ramli)
- 16) Dekan Pusat Pengajian Luar (Y. Bhg. Encik Ahmad Nazari bin Mohd. Rose)
- 17) Dekan Sekolah Sains Kejururawatan (Y. Bhg. Puan Rosnani binti Mahayudin)
- 18) Ketua Unit Perpustakaan (Y.Bhg. Encik Ghazali bin Mat Jamil)²³.

URUSETIA

Pendaftar KUSZA (Y.Bhg. Tuan Haji Nurul Huda @ Ariffin bin Muda) Ketua Urusetia Akademik (Y.Bhg. Tuan Haji Mohamed Zameri bin Haji Zulkifli).²⁴

ii) Jawatankuasa Kewangan Dan Pembangunan

Majlis menubuhkan jawatankuasa ini untuk mengemukakan sebarang cadangan atau menasihati Majlis mengenai hal-hal kewangan dan pembangunan Kolej.

PENGERUSI

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee, D.S.M.T., A.S.M., P.J.C., P.J.K., B.L.B.

TIMBALAN PENGERUSI

Y.B. Pegawai Kerajaan Negeri, Y.B. Dato' Ibrahim bin Abd. Rahman, D.P.M.T., A.S.M., P.J.C., P.J.K., B.L.B.

²³ *Ibid.*, h 10.

²⁴ *Ibid.*, h 11.

AHLI-AHLI

- 1) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), (Y.Bhg. Tuan Haji Mazlan bin Ngah)
- 2) S.M.T., P.J.C., P.J.K. Pengarah Jabatan Kerjaraya Ngeri Terengganu
- 3) (Y. Bhg. Ir. Tuan Haji Mohamad bin Husin), P.P.T., K.S.D.
- 4) Pengarah KUSZA (Y.Bhg. Prof Madya Dr Anuar bin Zainal Abidin).

SETIAUSAHA

Pendaftar KUSZA (Y. Bhg. Tuan Haji Nurul Huda @ Ariffin bin Muda),S.M.T, P.J.K.²⁵.

(iii) Jawatankuasa Perjawatan

Majlis telah mengamanahkan kepada Jawatankuasa Perjawatan untuk memberi syor-syor dan nasihat kepada Majlis mengenai urusan perjawatan dan lantikan kakitangan.²⁶

PENGERUSI

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Ku Abd. Azah bin Sed Alwee, D.S.M.T., P.J.C,P.J.K.,B.L.B.

²⁵ *Ibid.*, h.12.

²⁶ *Op.cit.*, h.12-13.

TIMBALAN PENGERUSI

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Y.B. Dato Ibrahim bin Abd Rahman, D.P.M.T.,
A.S.M., P.J.C, P.J.K., B.L.B.

AHLI-AHLI

- 1) Y.B. Tuan Haji Harun bin Taib (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu)
- 2) Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Chik (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu)
- 3) Pengarah Yayasan Terengganu (Y.Bhg. Tuan Haji Yusof Bin Haji Tahir), Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Perjawatan) (Y.Bhg. Encik Hussain bin Embong), A.M.T., P.J.K. Pengarah KUSZA (Y.Bhg. Ustaz ismail Bin Abdul Halim).

SETIAUSAHA

Pendaftar KUSZA (Y.Bhg. Tuan Haji Nurul Huda @ Ariffin bin Muda), S.M.T.,
P.J.K.

3.4) Program-program Pengajian di KUSZA.

Pada awal penubuhan KUSZA, hanya program persijilan ditawarkan, iaitu Tingkatan Empat Sastera - Agama. Tetapi, pada bulan Jun 1982, KUSZA mula menawarkan Program Diploma, iaitu Diploma Pengajian Islam (Syariah). Pada September 1985, seramai 26 orang calon pertama telah menerima Diploma daripada

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu di dalam konvokesyen atau F'dul-F'Imi KUSZA yang pertama²⁷.

Bertitik-tolak dari sinilah, KUSZA pada hari ini telah berjaya menyediakan lebih 22 program Diploma dalam pelbagai bidang.²⁸ Terdapat 9 buah sekolah pengajian, iaitu:

- 1) Sekolah Pengajian Islam
- 2) Sekolah Pengajian Pengurusan
- 3) Sekolah Pengajian Umum
- 4) Pusat Bahasa
- 5) Sekolah Kejuruteraan
- 6) Pusat Teknologi Maklumat
- 7) Sekolah Pengajian Pendidikan
- 8) Program KUSZA-Uel
- 9) Sekolah Sains Kejururawatan

3.4.1) Program-program Pengajian

1) Sekolah Pengajian Islam.

Sekolah Pengajian Islam telah ditubuhkan berdasarkan penyusunan semula Jabatan Pengajian Islam di KUSZA pada akhir 1985. Ia merupakan sekolah pengajian

²⁷ Sejarah Penubuhan KUSZA, dipetik dari Majalah *Al-Ussrah* (Majalah) 2001, KUSZA, h.6.

²⁸ *Ibid.*, h. 7.

yang pertama dibentuk di KUSZA. Tujuan ditubuhkan sekolah pengajian ini adalah bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di pernickety separa ikhtisas dalam bidang-bidang pengajian Islam²⁹.

Setelah hampir 17 tahun sekolah pengajian ini beroperasi, ia telah berjaya menawarkan sebanyak 10 program Diploma:

- 1) Diploma Pengajian Islam (Syariah)
- 2) Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)
- 3) Diploma Pengajian Islam (Bahasa & Kesusasteraan Arab)
- 4) Diploma Pengajian Islam (Dakwah)
- 5) Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & Al-Sunnah)
- 6) Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam)
- 7) Diploma Pengajian Islam (Sejarah dan Tamadun Islam)
- 8) Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Syariah)
- 9) Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Usuluddin)
- 10) Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Dakwah)³⁰

2) Sekolah Pengajian Pengurusan

Sekolah Pengajian Pengurusan telah ditubuhkan pada tahun 1985 dengan tujuan menawarkan pengajian peringkat diploma dalam pelbagai bidang pengurusan.

²⁹ *Buku Panduan 1989-1991*, KUSZA, h.17.

³⁰ *Prospektus Pengajian Diploma Sekolah Pengajian Islam* (2002), KUSZA, h.1.

Buat masa ini, sekolah pengajian ini telah menawarkan 7 program pengajian di peringkat diploma, iaitu:

- 1) Diploma Kewangan
- 2) Diploma Kewangan Antarabangsa
- 3) Diploma Pemasaran
- 4) Diploma Perakaunan
- 5) Diploma Pengurusan Sumber Manusia
- 6) Diploma Pengajian Bank
- 7) Diploma Pengajian Insurans³¹

3) Sekolah Pengajian Umum

Sekolah pengajian ini ditubuhkan dengan rasminya pada 15 Februari 1986. Pada mulanya, ia tidak mengeluarkan sebarang diploma dan hanya berperanan untuk menyediakan dan mengendalikan perkhidmatan pelengkap kursus kepada Sekolah Pengajian Islam dan Sekolah Pengajian Pengurusan.³² Tetapi, akhirnya Sekolah Pengajian Umum juga telah menawarkan kursus peringkat Diploma iaitu Diploma Undang-undang. Kursus peringkat persijilan yang ditawarkan ialah Sijil Falak Syarie.³³

³¹ *Idul-Ilmi Ke-18* (2002), KUSZA, h. 24

³² *Buku Panduan 1989-1991*, KUSZA, h. 18.

³³ Sejarah Penubuhan KUSZA, dalam *Majalah al-Ussrah* 2001, h. 7.

4) Pusat Bahasa

Pusat Bahasa ditubuhkan bertujuan untuk mengendalikan kursus Diploma Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL).

5) Sekolah Kejuruteraan

Program yang ditawarkan di bawah sekolah pengajian ini ialah Diploma Teknologi Pembuatan dan Diploma Rekabentuk Perindustrian.

6) Sekolah Pengajian Lanjutan / Pusat Teknologi Maklumat

Seperti Sekolah Pengajian Islam dan Pengurusan, Sekolah Pengajian Lanjutan juga telah ditubuhkan pada tahun 1985. Penubuhan ini adalah ekoran daripada kesedaran bahawa peluang mencari serta menguasai ilmu perlu dibuka seluas-luasnya kepada masyarakat Islam. Ia juga tidak hanya dibataskan kepada masyarakat Islam dan tidak juga hanya dengan mengikuti program-program diploma dengan tempoh yang agak panjang. Dengan ini, sekolah ini telah menawarkan kursus dalam bentuk jangka pendek, iaitu Sijil Intensif Bahasa, Sijil Pengajian Islam dan Sijil Pengaturcaraan Komputer. Sekolah ini juga turut menawarkan Diploma Teknologi Maklumat³⁴.

³⁴ *Ibid*

7) Sekolah Pengajian Pendidikan

Di bawah sekolah ini, satu kursus diploma pendidikan telah ditawarkan, iaitu Diploma Bahasa Arab Dengan Pendidikan.

8) Program KUSZA-UeL

Pada awal tahun 2001, KUSZA telah mengadakan kerjasama dengan Universiti of East London. Program yang ditawarkan ialah BSc. (Hons) Business Information Systems, BA (Hons) Business Administration dan BA. (Hons) Finance & Accounting. Kesemua program yang ditawarkan ini mendapat pengiktirafan daripada UeL.

9) Sekolah Sains Kejururawatan.

Sekolah Sains Kejururawatan menawarkan Diploma Kejururawatan.³⁵

3.4.2) Senarai Dekan – Dekan KUSZA 2002.

Setiap sekolah pengajian diketuai oleh seorang Dekan yang bertanggungjawab terhadap program-program yang terdapat di bawah sekolah pengajiannya.

SEKOLAH PENGAJIAN ISLAM

Y.Bhg. Dr. Salleh bin Ismail, BA (Al-Azhar), MA, Phd (UK Malaysia).

³⁵ *Ibid*.

SEKOLAH PENGAJIAN PENGURUSAN

Y.Bhg. Encik Ahmad Fakhruddin bin Abd Rahman, Nsc (ISU), MA (St. Louis).

SEKOLAH PENGAJIAN UMUM

Y.Bhg. Encik Razali bin Awang, BA (Malaya), MA(UK Malaysia) .

PUSAT BAHASA

Y.Bhg. Dr. Normah binti Yusof, BA (Malaya), MA (TCC/TESL) (Western).

SEKOLAH KEJURUTERAAN

Y.Bhg. Encik Muhamad Ruzlan bin Musanih, B.Sc. (Hons), Phy. (USM), M.Sc. (NDT), (Brunel).

PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Y.Bhg. Encik Mohd. Isa bin Awang B.Sc. (Hons) Com.Sc. (USM), Pg. Dip. Sys. Eng. (UWCC), M.Sc.IT (UK Malaysia).

SEKOLAH PENGAJIAN PENDIDIKAN

Y.Bhg. Encik Abdul Rahim bin Ramli, B.Sc. (USM), MA (Western Michigan).

PUSAT PENGAJIAN LUAR

Y.Bhg. Encik Ahmad Nazari bin Mohd Rose, B. Sc. (Ohio), M.Sc. Data Comm. Sys. (Brunel).

SEKOLAH SAINS KEJURURAWATAN

Y.Bhg. Puan Rosnani binti Mahayudin, SRN, SCM, Sijil Tinggi Pengajar.³⁶

³⁶ *Idul-Ilmi, KUSZA*, h. 12.

3.5) PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH) KUSZA

3.5.1) Sejarah Pengajian Syariah di KUSZA

Pengajian Syariah telah bermula di KUSZA sejak awal tahun 80-an. Ia merupakan kursus pertama yang ditawarkan di KUSZA. Pada bulan Jun 1982, KUSZA mula menawarkan program Diploma Pengajian Islam (Syariah). Pada 25hb September 1985 pula, seramai 26 orang calon pertama Diploma Pengajian Islam (Syariah) ini telah berjaya dianugerahkan Diploma masing-masing oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu di dalam 'Idul 'Ilmi atau Konvokesyen KUSZA yang pertama.³⁷

Secara umumnya, program pengajian Syariah di KUSZA dibentuk bagi menyediakan kepada para pelajar pelbagai bidang pengetahuan seperti Fiqh, Faraidh, Fiqh Muqaran, Qawaid Fiqhiyyah, Usul Fiqh, Ayat Ahkam dan lain-lain. Di samping itu, pelajar-pelajar juga didedahkan dengan kursus-kursus dari bidang lain seperti Psikologi, Kenegaraan Malaysia, Bahasa Melayu, Sains Sosial, Pengurusan Organisasi dan Bahasa Inggeris.³⁸

³⁷ *Buku Panduan Hal Ehwal Pelajar*, Terengganu: KUSZA, h.1.

³⁸ *Pamphlet Diploma Pengajian Islam (Syariah)*, KUSZA.

3.5.2) Peringkat-peringkat Pengajian Syariah di KUSZA

Di KUSZA, terdapat dua peringkat Pengajian Syariah, iaitu :

i) Diploma Pengajian Islam (Syariah).

Jangkamasa kursus bagi program ini ialah tiga tahun. Sepanjang tempoh pengajian, pelajar-pelajar dikehendaki menyempurnakan sebanyak 105 jam kredit. Para pelajar yang diterima masuk ke program ini tidak hanya terbatas kepada lepasan SPM, tetapi terdapat juga beberapa kemasukan khas yang mana calon-calon yang tidak mempunyai SPM juga layak mengikuti program ini.

ii) Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Syariah).

Program ini pula memakan masa selama 2 tahun. Calon-calon yang ingin mengikuti program Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Syariah) mestilah memiliki Diploma Pengajian Islam KUSZA dengan pencapaian Gred Himpunan Purata (CGPA) sekurang-kurangnya 3.0 atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya.³⁹

3.5.3) Objektif Pengajian Syariah di KUSZA

Di antara objektif utama pengajian Syariah di KUSZA ialah:

³⁹ *Prospektus Sekolah Pengajian Islam (2002)*, Kuala Terengganu: KUSZA, h. 6.

- i) Untuk memperkenalkan pengajian Syariah di peringkat separa professional bagi menampung keperluan tenaga manusia dalam bidang-bidang yang berkaitan. Dengan ini, program ini akan menyediakan kepada pelajar pengetahuan agama untuk membolehkan mereka menyelesaikan persoalan-persoalan semasa dengan lebih berkesan.
- ii) Melatih pelajar membuat penyelidikan dengan cara yang bersistematik dan mampu membuat cadangan-cadangan yang membina untuk masyarakat.
- iii) Mendedahkan pelajar kepada berbagai peraturan dan norma-norma hidup masyarakat dan negara untuk membolehkan mereka menghadapi dan menangani isu-isu semasa.⁴⁰

3.5.4) Syarat-syarat Kemasukan Program Diploma Pengajian Islam (Syariah)

KUSZA.

Terdapat dua jenis kemasukan bagi program Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA, iaitu:

1) Kemasukan Biasa

Syarat-syarat untuk kemasukan biasa adalah seperti berikut:

⁴⁰ Dipetik dari pamflet 'Diploma Pengajian Islam Syariah', Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu.

- 1- Seseorang calon hendaklah berumur sekurang-kurangnya 17 tahun.
- 2- Dari segi kelayakan akademik, calon hendaklah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau GCE 'O' Level, atau lain-lain kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mendapat 5 kepujian dalam matapelajaran berikut:
 - a) Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia
 - b) Bahasa Arab Tinggi
 - c) 2 daripada matapelajaran berikut:
 - i- Pendidikan Syariah Islamiyah
 - ii- Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
 - iii- Kejujian SATU matapelajaran lain
- 3- Calon juga disyaratkan lulus Bahasa Inggeris.⁴¹

ATAU

- 1- Mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), atau GCE 'O' Level, atau lain-lain kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mendapat 4 kepujian dalam matapelajaran berikut:
 - i- Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia
 - ii- Bahasa Arab Tinggi
 - iii- 2 daripada matapelajaran berikut:
 - a) Pendidikan Syariah Islamiyah
 - b) Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
 - c) Tasawwur Islam
 - d) Bahasa Arab (Komunikasi)

⁴¹ *Prospektus Program Diploma Sekolah Pengajian Islam* (2002), h. 2.

- 2- Selain daripada syarat di atas, keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang lulus Bahasa Inggeris dengan baik.
- 3- Keutamaan juga akan diberikan kepada calon-calon yang mendapat kepujian dalam matapelajaran Sejarah dan Matematik.⁴²

Di samping kemasukan biasa, terdapat juga kemasukan khas. Kemasukan khas ini boleh dibahagikan kepada 3, iaitu:

1) Kemasukan Khas I

- 1- Calon-calon hendaklah lulus Sijil Tinggi Ugama/Agama atau Sijil Empat Thanawi berpangkat jayyid dari sekolah-sekolah menengah agama seperti berikut:
 - a- Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu.
 - b- Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Perak.
 - c- Sekolah Izzuddin Syah, Ipoh, Perak.
 - d- Kuliyyah Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.
 - e- Yayasan Islam Negeri Kelantan
 - f- Maahad Johor, Johor Bahru, Johor.
 - g- Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah.
 - h- Maahad Ahmadi, Gemencheh, Negeri Sembilan.⁴³

⁴² *Ibid.*, h 2-3.

⁴³ *Ibid.*, h 3

(Nota: Calon-calun tersebut diiktiraf oleh KUSZA layak ke Semester III untuk mengikuti semua program Diploma Pengajian Islam (DPI) dan mereka dikehendaki memenuhi beberapa kursus iaitu: Kenegaraan Malaysia, Pengantar Sains Sosial dan Aplikasi Komputer).⁴⁴

II) Kemasukan Khas II

- a- Madrasah al-Juneid Al-Islāmiyyah, Singapura.
- b- Madrasah al-Sagof, Singapura.
- c- Madrasah al-Maārif al-Islāmiyyh, Singapura.
- d- Madrasah al-Arabiyyah al-Islāmiyyah, Singapura.
- e- Madrasah Wak Tanjong al-Islāmiyyah, Singapura.

(Nota: Calon-calun tersebut diiktiraf oleh KUSZA layak ke Semester III untuk mengikuti semua program Diploma Pengajian Islam dan mereka dikehendaki memenuhi beberapa kursus iaitu; Kenegaraan Malaysia, Bahasa Inggeris, Ko Kurikulum, Pengantar Sains Sosial, dan Aplikasi Komputer).

III) Kemasukan Khas III

- a- Maahad Darul Quran, Rusila, Marang, Terengganu.

(Nota: Pemegang yang memenuhi syarat-syarat kemsukan dengan SPM adalah layak untuk mengikuti semua program Diploma Pengajian Islam dan mereka dikehendaki memenuhi beberapa kursus iaitu: Kenegaraan Malaysia, Bahasa Inggeris, Ko Kurikulum, Pengantar Sains Sosial, dan Aplikasi

⁴⁴ *Ibid.*

Komputer. Sementara calon yang memenuhi syarat tetapi tidak layak untuk mengikuti pengajian ke Semester III. Di samping itu, calon juga dimestikan mengambil SPM ataupun sekurang-kurangnya lulus bahasa Melayu di peringkat SPM).⁴⁵

3.5.5) Tempoh Pengajian

Bagi program Diploma Pengajian Islam (Syariah), jangka masa kursus ialah selama tiga tahun. Sementara itu, bagi program Diploma Lanjutan, tempoh pengajiannya adalah selama dua tahun. Setiap satu tahun akademik di KUSZA terdiri daripada dua semester. Setiap semester pula mengandungi 16 minggu termasuk satu minggu cuti pertengahan semester.⁴⁶

3.5.6) Struktur Pengajian

Struktur atau kurikulum pengajian merupakan satu elemen yang amat penting dalam memastikan keberkesanan sesuatu proses pengajian. Pelbagai takrifan telah dibuat oleh ahli sarjana tentang takrif kurikulum. Secara kesimpulan, terdapat tiga jenis takrifan kepada perkataan kurikulum :

- 1) Takrif secara begitu luas sehingga merangkumi semua perkara yang dipelajari oleh pelajar-pelajar sekolah, maktab atau universiti.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 3-4.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 4.

- 2) Takrif yang agak sempit dengan menghadkan hanya kepada pengajaran-pengajaran yang dirancang sahaja, tidak kira samada yang dipelajari di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.
- 3) Takrif yang lebih sempit iaitu sesuatu proses pengajaran-pembelajaran yang hanya diperolehi di dalam bilik darjah.⁴⁷

Daripada ketiga-tiga takrifan di atas, takrif yang ketiga lebih sesuai untuk digunakan dalam kajian ini.

Pada Sessi Mei 1996, Sekolah Pengajian Islam telah melaksanakan pembaharuan terhadap struktur kursus Diploma Pengajian Islam KUSZA. Hasil daripada kajian penyusunan semula struktur kursus Diploma Pengajian Islam, ahli-ahli Majlis KUSZA dan ahli Mesyuarat Akademik telah bersetuju untuk melakukan perubahan terhadap struktur kursus Diploma Pengajian Islam. Tujuan dilakukan penyusunan semula struktur pengajian adalah bagi memantapkan lagi sistem pembelajaran dan pengajaran di KUSZA.⁴⁸

Seperti institusi pengajian tinggi yang lain, KUSZA juga telah menyusun kurikulum pengajian yang sesuai dengan kursus yang ditawarkan. Sebuah lembaga kajian yang dianggotai oleh ahli-ahli akademik daripada universiti-universiti tempatan dan juga ahli-ahli professional dalam bidang-bidang tertentu ditubuhkan untuk mengkaji dan memperakui cadangan penubuhan program-program pengajian di KUSZA. Dalam bidang pengajian Islam, sebelum satu-satu program ditubuhkan, satu

⁴⁷ Razali Arof, 'Isu Kurikulum Menjelang Abad Ke-21' dalam Juriah Long et al (1992), *Aliran Dalam Amalan Pendidikan Menjelang Abad Ke-21*. Bangi: Penerbit UKM, h. 56.

⁴⁸ *Ibid.*, h 7.

perbincangan diadakan di antara para intelek Islam dari pelbagai institusi, jabatan, pusat-pusat pengajian dalam dan luar negeri, malah juga orang perseorangan. Langkah-langkah ini diambil bagi menjamin taraf akademik program-program pengajian di KUSZA. Ia juga bagi memastikan bahawa kurikulum pengajian sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa negara.⁴⁹

Kursus-kursus pengajian di KUSZA boleh dibahagikan kepada 3 bahagian:

(1) KURSUS KOLEJ DAN SINOPSISNYA

Kursus Kolej merupakan kursus yang diwajibkan kepada para pelajar yang mengikuti mana-mana program pengajian bagi menyediakan mereka dengan kemahiran dan pendidikan yang bersepadu. Kursus-kursus tersebut ialah:

- | | |
|---------------------------|-------------|
| 1) Kenegaraan Malaysia | 2jam kredit |
| 2) Pengantar Sains Sosial | 2jam kredit |
| 3) Ko Kurikulum | 3jam kredit |
| 4) Bahasa Inggeris | 8jam kredit |
| 5) Aqidah I | 2jam kredit |
| 6) Akhlak | 2jam kredit |
| 7) Fiqh I | 2jam kredit |
| 8) Nahu & Saraf I | 3jam kredit |

⁴⁹ Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia Cabaran dan Harapan (Kertas Kerja) ed. Ismail Abdul Rahman et al, Kuala Terengganu: KUSZA, h 163.

9) Al-Quran (Tajwid & Tahfiz)

2jam kredit

Jumlah

26jam kredit⁵⁰

Sinopsis Kursus Kolej

1) Kenegaraan Malaysia (UKK 1012)

Kursus ini merupakan kursus yang amat penting bagi menimbulkan rasa tanggungjawab seseorang individu terhadap masyarakat dan negara. Ia memberikan pengetahuan kepada pelajar mengenai negara dan masyarakat Malaysia. Ia juga memupuk rasa kecintaan dan kesetiaan terhadap Asas Pemerintahan Negara, Masyarakat Majmuk dan Masalah Perpaduan Negara, Ekonomi Malaysia, Dasar-dasar Pembangunan dan Dasar Am Negara termasuk juga Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa. (2jam kredit).

2) Pengantar Sains Sosial (SKA 1012)

Kursus ini menekankan kepada beberapa asas penting kemasyarakatan, iaitu: konsep masyarakat, kebudayaan dan proses-proses utama dalam masyarakat. Selain itu, tumpuan turut diberikan kepada aspek pembentukan personaliti, interaksi kumpulan, kepimpinan, ekonomi dan perubahan sosial. (2jam kredit)⁵¹

⁵⁰ *Prospektus Program Diploma Sekolah Pengajian Islam* (2002), h.52 .

⁵¹ *Ibid.*, h 53.

3) Ko Kurikulum

Kursus ini bertujuan memupuk keyakinan diri dan menyambung potensi serta kemampuan para pelajar. Kursus-kursus yang ditawarkan di bawahnya pula ialah:

*Kesatria	*Homeopathy
*Pengakap	*Kajian Pemakanan
*Bulan Sabit Merah	*Seni Khat
*Brass Band	*Pengajian al-Quran & Tajwid
*Pertahanan Awam	*Bomba dan Penyelamat
*Falak Syarie	(3 jam kredit) ⁵²

4) Foundation 1 (BID 1013)

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar tentang elemen-elemen dan asas-asas Bahasa Inggeris yang amat diperlukan dalam komunikasi mereka. Penekanan diberikan kepada membina kebolehan pelajar dalam tuturan dan penulisan Bahasa Inggeris. Selain itu, kursus ini juga menekankan masalah ‘grammar’ atau tatabahasa bagi membolehkan para pelajar menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. (3 jam kredit)⁵³

5) Foundation 2 (BID 1023)

Kursus ini adalah sebagai kesinambungan kepada kursus di atas. Ia bertujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkara-perkara yang diperlukan dalam Bahasa Inggeris bagi urusan akademik dan kemasyarakatan.

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

(3jam kredit)⁵⁴

6) ESP (BIS 2012)

ESP ditawarkan khas kepada pelajar-pelajar dari bidang Pentadbiran, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan, Undang-undang dan juga para pelajar Pengajian Islam yang telah berjaya menyempurnakan Kursus Foundation I dan Foundation II. Topik-topik yang dibincangkan dalam ESP adalah berkait dengan bidang pengkhususan para pelajar. Ia berbeza mengikut kursus, iaitu dari isu kemasyarakatan, keagamaan dan juga kepada isu perniagaan. ESP turut mendedahkan para pelajar tentang kemahiran menulis surat-surat rasmi dan juga surat-surat yang berkaitan urusan kehidupan harian mereka. Secara umumnya, kursus ini boleh dibahagikan kepada 4 bahagian, iaitu:

- a) Reading ESP Materials (Kefahaman)
- b) Report Writing (Termasuklah mempelajari bahasa yang digunakan dalam menyediakan laporan, Ciri-ciri sebuah laporan yang baik, Jenis-jenis laporan, Kaedah Pengumpulan , analisis dan menghuraikan data, Penggunaan Visual tambahan dan Kemahiran berkomunikasi).
- c) Formal Letter Writing (Mempelajari teknik-teknik menulis surat dan jenis-jenis surat.
- d) Job Application : Mempelajari resume dan kemahiran menghadiri serta menjawab temuduga⁵⁵. (2jam kredit)

⁵⁴ *Ibid.*, h. 54.

⁵⁵ *Ibid.*

7) Aqidah I (USU 1012)

Kursus ini adalah sebagai asas bagi para pelajar mengenali beberapa istilah yang biasa digunakan dalam ilmu aqidah. Ia juga turut mendedahkan para pelajar tentang ilmu aqidah, sejarah perkembangannya sejak zaman Rasulullah S.A.W., rukun iman dan Islam serta hubungannya dengan makrifat dan taqlid.

(2jam kredit)⁵⁶

8) Akhlak (USU 2022)

Tujuan ditawarkan kursus ini ialah bagi membolehkan para pelajar mengetahui akhlak Islam dari sumbernya yang asal. Bagi memastikan lagi para pelajar betul-betul menghayati akhlak Islamiyah yang sebenar, kursus ini turut membincangkan mengenai istilah akhlak, kepentingannya di dalam kehidupan manusia, hubungannya dengan ilmu yang lain serta mendedahkan beberapa akhlak mulia yang perlu dihiasi oleh setiap individu dan sifat-sifat keji yang perlu dijauhi.

(2jam kredit)⁵⁷

9) Fiqh I (SYA 1012)

Fiqh I mengandungi 2 bahagian. Bahagian pertama ialah Pengajian *Mawdūi'*. Ia membincangkan tentang bersuci, sembahyang dan juga puasa bagi membolehkan pelajar memahami hukum-hakam yang berkaitan dengannya dan membiasakan mereka beramal dengan tuntutan syariat ini. Bahagian kedua pula ialah Pengajian teks tradisional. Kitab yang menjadi pilihan ialah *Kitāb al-Sirāj al-Wahhāj* yang

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*, h. 56.

membincangkan tentang sebab-sebab hadas, mandi wajib, najis dan cara-cara menghilangkannya, haid, nifas dan juga istihadhah. (2jam kredit)⁵⁸

10) Nahu dan Saraf I (BKA 2013)

Kursus ini memberi tumpuan kepada aspek tatabahasa dalam bahasa Arab. Ia merangkumi kajian tentang ilmu-ilmu bahasa Arab seperti *al-Kalimah wa Aqsāmuha*, *al-I'rāb wa al-Binā'*, *al-Fi'lu wa Aqsāmuhu*, *al-Mudhakkar wa al-Mua'nnath min al-Asmā'*, *Tadhkir al-Afā'l wa Ta'nithuha*, *'Ilm al-Sarf*, *al-Fi'lu wa Fihi 'Iddatu Taqāsīm*.⁵⁹ (3jam kredit).

11) Al-Quran (Tajwid & Tahfiz) (QWS 1032)

Ia mengandungi tajuk-tajuk ilmu tajwid yang merangkumi pergerakan ilmu tajwid dan adab-adab membaca Quran, Hukum Nun dan Mim mnati, Mad dan Qasar, Waqaf, Makhraj dan Sifat Huruf serta Hamzah. (2jam kredit)⁶⁰

2) KURSUS SEKOLAH DAN SINOPSISNYA

Ia merupakan kursus persediaan yang diwajibkan kepada semua pelajar pada peringkat awal sebelum pengkhususan. Kursus-kursus tersebut ialah:

- | | |
|-----------------|--------------|
| 1) Tafsir | 4 jam kredit |
| 2) Ulum Quran I | 2 jam kredit |
| 3) Hadith | 3 jam kredit |

⁵⁸ *Ibid*

⁵⁹ *Ibid*

⁶⁰ *Ibid.*, h. 56-57

4) Ulum Hadith I	2 jam kredit
5) Fiqh II	8 jam kredit
6) Usul Fiqh	6 jam kredit
7) Aqidah II	4 jam kredit
8) Mantiq	2 jam kredit
9) Mutalaa'h dan Ta'bir	6 jam kredit
10) Nahu dan Saraf II	9 jam kredit
11) Balaghah	4 jam kredit
12) Kursus Elektif	4 jam kredit
13) Aplikasi komputer	2 jam kredit
JUMLAH	56 jam kredit⁶¹

1) Tafsir (USU 1012)

Kursus ini merupakan pengenalan kepada tafsiran ayat-ayat al-Quran dan huraianya meliputi dalam bidang aqidah, hukum-hakam dan akhlak yang menjadi teras kepada ajaran Islam. Daripada kursus ini, para pelajar dapat menimba ilmu Islam dari sumbernya yang asli dan seterusnya dapat mengetahui kaedah-kaedah penafsiran yang betul. Di antara surah yang dipelajari ialah surah al-Fatihah, Al-Baqarah, Ali Imran dan An Nisa⁶². (2 jam kredit)

⁶¹ *Ibid*

⁶² *Ibid*, h.57.

2) Tafsir (USU 1022)

Kursus ini adalah kesinambungan dari kursus di atas, dan di antara surah yang diajar di peringkat ini ialah *Surah al-Māi'dah, al-An'ām, al-A'rāf dan al-Anfāl*.

(2 jam kredit)⁶³

2) Ulum al-Quran I (QWS 2032)

Kursus ini membincangkan beberapa aspek tentang al-Quran seperti penurunan wahyu, pengumpulan dan susunan al-Quran, makki dan madani, sebab-sebab turun ayat dan kaedah-kaedah penafsiran al-Quran⁶⁴. (3jam kredit)

3) Al-Hadith (QWS 2013)

Kursus ini membincangkan hadith 40 (2jam kredit).

4) Ulum al-Hadith I (QWS 2042)

Kursus ini merangkumi pelbagai perbahasan dan istilah-istilah yang berkaitan dengan Hadith seperti matan, sanad, isnad, hafiz, hujjah, hakim, sunan sittah, pembahagian hadith, pemalsuan terhadap hadith, autoriti sunnah dan isu penolakan terhadap al-Sunnah⁶⁵.

5) Fiqh II (SYA 1022)

Kursus ini merupakan kesinambungan dari kursus SYA 1012 di atas. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian, termasuklah tentang zakat harta, haji dan umrah.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*, h 58

Pengajian teks tradisional membincangkan tentang zakat fitrah, sembelihan, korban dan juga aqiqah.⁶⁶

6) Fiqh II (SYA 2013)

Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu pengajian *maudūi*⁶⁷ dan pengajian teks tradisional. Bahagian pertama membincangkan tentang fiqh muamalat dan ahwal syakhsiiyyah. Fiqh muamalat dalam kursus ini membincangkan hukum hakam yang berkaitan dengan urusan jual beli, syarikat perniagaan, gadaian, wadiah, muflis, sulh, hawalah, sewaan, wakil, jaminan, tabung kebajikan, broker, pinjaman, wakaf dan pertandingan. Bahagian ahwal syakhsiiyyah pula membincangkan hukum-hakam perkahwinan dan apa yang berkaitan dengannya. Pengajian teks tradisional menyentuh tentang *syuʿat*, syarikat, wakalah, mas kahwin, *mutʿah* dan *taʿliq talak*⁶⁸. (3 jam kredit)

7) Fiqh II (SYA 2053)⁶⁸

Kursus ini sepertimana kursus sebelumnya juga terbahagi kepada pengajian *maudui* dan pengajian teks tradisional. Pengajian *maudui* membincangkan tentang fiqh jenayah, kehakiman, jihad, sumpah dan juga nazar. Pengajian teks tradisional dari kitab *al-siraj al-Wahhaj* pula membincangkan tentang perselisihan antara wali si mati dan penjenayah, berbilang *diyyat* yang banyak, *ʿaqilah*, *kiffarat* membunuh dan juga *diyyat* janin. (3 jam kredit)

⁶⁶ *Ibid*

⁶⁷ *Ibid*

⁶⁸ *Ibid.*, h. 59

8) Usul Fiqh (SYA 1033)

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada ilmu Usul Fiqh, pengertian hukum dan bahagiannya, hukum taklifi dan bahagiannya, wajib dan jenis-jenisnya, hukum wadi, pengertian dalil, dalil-dalil Syara', al-Quran dan al-Sunnah⁶⁹.

9) Usul Fiqh (SYA 2023)

Kursus ini merupakan kesinambungan daripada kursus SYA 1033 di atas. Ia merangkumi perbincangan tentang perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah seperti lafaz 'am, khas, musytarak, mutlak, muqayyad, mujmal dan mubayyan. Ia juga membincangkan tentang al-amru, al-nahyu, nasakh, ijma', qiyas, kata-kata sahabat, syariat ummat terdahulu, istishab, istihsan, masalah mursalah, taqlid dan juga tentang taarud dan tarjih.

(2 jam kredit)

11) Aqidah II (USU 1022)⁷⁰

Kursus ini merupakan kesinambungan kepada kursus USU 1012. Ia memfokuskan kepada perbahasan ulama mutakallimin tentang isu ketuhanan, kenabian, kitab-kitab samawi, malaikat-malaikat dan jin sehingga para pelajar mendapat pengukuhan dari segi aqidah⁷¹.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ *Ibid.*, h. 59-60.

⁷¹ *Ibid.*

12) Mantiq (USU 1032)

Aspek yang menjadi perbincangan dalam kursus ini ialah sejarah perkembangan ilmu mantiq, kepentingan mempelajari ilmu mantiq dalam ilmu Islam dan mendalami beberapa kaedah pemikiran yang akan membantu menghasilkan satu fitrah yang tepat lagi jitu.⁷² (2jam kredit)

13) Nahu & Saraf II (BKA 2023)

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus NAHU & SARAF I. Tajuk-tajuk yang menjadi perbincangan dalam kursus ini ialah *al-Mubtadā' wa al-khabar, Nawāsikh al-Ibtidā', La al-nāfiah Lil Jins, al-Fā'il wa Nā'ibu, al-Maf'ūl bihi, al-Maqsur wa al-Mamdūd wa al-Manqūs, Mā lā Yansarif, al-Ism al-Mujarrad wa al-Abniah, al-Masadir.*⁷³ (3jam kredit)

14) Al-Mutālaa'h wa al-ta'bir (BKA 1013)

Kursus ini memberi penekanan terhadap kemahiran mendengar dan bercakap. Bagi latihan mendengar, beberapa rencana umum yang meliputi pelbagai bidang seperti ekonomi, kemasyarakatan, politik, ehwal Islam dan kebudayaan dibincangkan. Manakala bagi latihan bercakap, ia berkait rapat dengan suasana dan realiti pelajar di samping tajuk-tajuk yang bersifat ilmiah, ucapan serta latihan perbualan.⁷⁴ (3jam kredit)

⁷² *Ibid.*, h.60.

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ *Ibid*

15) *Al-Mutālaa'h wa al-ta'bir* (BKA 1023)

Berbeda dengan kursus di atas, kursus ini memberi penekanan terhadap kemahiran membaca dan menulis terutamanya rencana yang merangkumi pelbagai sudut di samping surat-menyurat (formal dan tidak formal) serta meringkaskan karangan⁷⁵. (3jam kredit)

16) *Al-Balāghah* (BKA 3012)

Kursus ini adalah salah satu kursus Bahasa Arab. Ia membincangkan tentang keindahan dan kehalusan Bahasa Arab yang merangkumi tajuk-tajuk kelahiran serta perkembangan ilmu *al-Balāghah*, tokoh-tokohnya, *al-Tasybih*, *Arkānuhu wa Aqsāmuhu wa Aghrāduhu*, *al-Haqiqah wa al-Majāz*, *al-Kināyah wa al-Istiā'rah*. (2jam kredit).

17) *Al-Balāghah* (BKA 3022)

Kursus ini membincangkan tentang *al-khabar wa al-Insyā' wa al-Ghardu min liqāi'hi wa Adrūbihi*, *al-Insyā' wa Naw'ahu Talabiy*, *al-Qasr wa al-Wasl wa al-Fasl*, *al-Muhassināt al-Lafziyyah wa al-Ma'nawiyah*⁷⁶. (2jam kredit)

18) Kursus Elektif

Kursus elektif merupakan kursus-kursus pilihan yang ditawarkan berasaskan keperluan sesuatu program pengajian. Tujuan diwujudkan kursus-kursus ini ialah bagi melengkapkan lagi kursus-kursus yang terdapat dalam kursus program dan

⁷⁵*Ibid.*

⁷⁶*Ibid.*

sekolah. Walau bagaimanapun, para pelajar hanya dikehendaki mengambil dua matapelajaran sahaja daripada senarai berikut:⁷⁷

18.1) Asas-asas Penyelidikan (SKK 1053)

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar tentang aspek-aspek penting dalam penyelidikan saintifik. Ia juga menyediakan kemahiran kepada pelajar untuk mengendalikan dan melaporkan hasil penyelidikan.⁷⁸
(2jam kredit)

18.2) Masyarakat Industri dan Perindustrian (SKS 3055)

Melalui kursus ini, para pelajar akan mendapat pendedahan mengenai struktur masyarakat industri. Topik perbincangan menyentuh tentang perkembangan, ciri-ciri struktur kelas dan masalah-masalah masyarakat industri dan masyarakat yang sedang mengalami proses perindustrian, khususnya di Malaysia, seterusnya perbincangan turut menyentuh tentang resolusi industri dan perindustrian ke atas masyarakat. Turut dibincangkan ialah beberapa persoalan berkaitan dunia kerja dan masa hadapan masyarakat tersebut.⁷⁹ (2jam kredit)

18.3) Sistem Politik Malaysia (SKP 1022)

Dalam kursus ini, para pelajar diberi pendedahan tentang perkembangan system politik, institusi-institusi politik, konsep-konsep dan proses politik di Malaysia. Aspek yang menjadi tumpuan ialah persoalan bagaimana system

⁷⁷ *Ibid.*, h. 61.

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ *Ibid.*

politik tradisional terlaksana, institusi-institusi utama, perjalanan kuasa beberapa konsep asas dalam politik beberapa isu-isu politik Malaysia.⁸⁰

(2jam kredit)

19.4)Islam Dan Masyarakat Melayu (SKT 2054)

Kedatangan Islam telah banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Kursus ini memberi pengetahuan kepada para pelajar mengenai pengaruh Islam terhadap peradaban masyarakat Melayu. Perbincangan pula meliputi aspek sejarah dan teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu serta pengaruh Islam terhadap 'world view' masyarakat Melayu khususnya dalam aspek kepercayaan, pentadbiran, hidup bermasyarakat, pendidikan dan kesenian⁸¹.(2jam kredit)

19.5) Masyarakat Desa (SKS 2044)

Dalam kursus ini, perbincangan ditumpukan kepada cirri-ciri masyarakat luar bandar dari sudut ekonomi, sosial, budaya,struktur masyarakat dan juga politik. Di samping itu, dibincangkan juga mengenai pembangunan dan perubahan yang berlaku serta beberapa masalah yang wujud sebagai akibat peningkatan integrasi masyarakat ini dalam arus ekonomi politik perdana⁸².

(2jam kredit)

19.6) Pengenalan Isu-isu Ekonomi (SKE 2024)

Kursus ini bertujuan membolehkan para pelajar mempelajari dan juga memberi peluang kepada mereka menilai perkembangan ekonomi semasa,

⁸⁰ *Ibid*

⁸¹ *Ibid.*, h.62.

⁸² *Ibid.*

meliputi dasar-dasar ekonomi negara dan perancangan pembangunan ekonomi serantau⁸³. (2jam kredit)

19.7) Politik Masyarakat Majmuk (SKP 2044)

Melalui kursus ini, para pelajar diberikan asas untuk memahami politik dalam masyarakat majmuk. Ia bersifat inter-disciplinary yang merangkumi beberapa asas penting: konsep masyarakat majmuk dan kelas, kolonialisme dan modenisasi, penganalisisan Rabuska dan Shepsles, pengaduan dan pengawalan serta integrasi nasional⁸⁴ (2 jam kredit).

19.8) Etnografi Aslian Malaysia (SKS 3035)

Kursus ini ditawarkan untuk memberi pengetahuan kepada para pelajar tentang beberapa aspek berkaitan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Aspek-aspek yang ditekankan ialah ciri-ciri kehidupan masyarakat Orang Asli yang dilihat dari sudut organisasi sosial, sistem ekonomi, politik dan kepercayaan. Selain itu, kursus ini turut menyentuh persoalan pembangunan, pembangunan ekonomi dan rohani masyarakat Orang Asli. Para pelajar dikehendaki membuat tinjauan ringkas terhadap mana-mana masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia⁸⁵. (2jam kredit)

19.9) Asas-asas Pembangunan (SKE 3065)

Islam dan pembangunan sememangnya tidak dapat dipisahkan. Melalui kursus ini, para pelajar berpeluang mempelajari asas-asas pembangunan dari perspektif Islam serta mendefiniskan pembangunan dari segi pembangunan

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ *Ibid.*, h.63

⁸⁵ *Ibid.*

sumber-sumber, agihan pemilikan, pengeluar dan penggunaan⁸⁶. (2jam kredit)

19.10)Islam Dan Orientalisma (SKT 3045)

Kursus ini membincangkan tentang aliran fahaman orientalisa. Ia menyentuh perkembangan sikap dan pemikiran orientalisa terhadap agama Islam bermula dari zaman pertengahan hinggalah sekarang. Beberapa aspek penting turut difokuskan, iaitu tujuan, aliran, golongan dan kegiatan orientalisa yang mencakupi aspek konflik, idea dan sikap orientalis terhadap Islam yang memperlihatkan kekeliruan serta kebimbangan mereka terhadap Islam.⁸⁷ (2jam kredit)

19.11)Asas-asas Ekonomi (SKE 2013)

Tujuan diperkenalkan kursus ini ialah bagi memperkenalkan kepada para pelajar tentang asas-asas ekonomi konvensional dan mengkaji permasalahan yang berlaku serta mencari penyelesaiannya⁸⁸. (2jam kredit)

19.12)Prinsip-prinsip Ekonomi Islam I (SKE 3055)

Menyedari tentang kepentingan ekonomi dalam masyarakat Islam, maka KUSZA telah menawarkan kursus ini bagi mendedahkan beberapa aspek asas dalam ekonomi Islam. Perbincangan difokuskan kepada beberapa tajuk seperti prinsip-prinsip asas ekonomi dan metodologi ekonomi Islam. Selain itu, ia turut memperkatakan tentang konsep pengeluaran, prinsip-prinsip penggunaan serta pengagihan pendapatan dan kekayaan dalam Islam.⁸⁹

⁸⁶ *Ibid*

⁸⁷ *Ibid*, h.64.

⁸⁸ *Ibid*.

⁸⁹ *Ibid*

(2jam kredit)

19.13)Prinsip-prinsip Ekonomi Islam II

Kursus ini adalah lanjutan kepada kursus Prinsip-prinsip Ekonomi Islam I. Tujuannya ialah bagi memperluaskan lagi pengetahuan pelajar tentang sistem ekonomi Islam. Tumpuan perbincangan ialah pasaran dan perdagangan wang dan bank serta institusi kewangan dalam Islam. Turut dibincangkan dalam kursus ini ialah konsep kewangan awam dan pembangunan ekonomi Islam.⁹⁰

19.14) Masyarakat Malaysia (SKE 2044)

Kursus ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar-palajar mengenai struktur, isu dan masalah masyarakat Malaysia masakini. Perbincangan dimulakan dengan kemunculan masyarakat majmuk di Malaysia, persoalan politik, ekonomi dan pendidikan. Dibincangkan juga mengenai institusi dan polisi-polisi yang diwujudkan oleh kerajaan sebagai alat untuk memerintah masyarakat pelbagai kaum, khususnya bagi mewujudkan kesatuan dan perpaduan dalam masyarakat Malaysia⁹¹.

19.15)Wanita Dalam Pembangunan

Fokus utama kursus ini ialah peranan wanita dalam sejarah dan perkembangan semasa negara. Di awal kursus, tinjauan ringkas dibuat berhubung dengan kesan kuantiti dan kualiti wanita terhadap pembangunan negara secara umum dan situasi di Malaysia masakini. Analisis dilakukan berhubung dengan imej wanita dalam sejarah dan kebudayaan serta imej

⁹⁰ *Ibid.*, h 64-65..

⁹¹ *Ibid.*, h 65.

mereka dalam sains dan teknologi. Selain itu, kursus ini juga membincangkan kedudukan dan hak wanita dalam undang-undang di Malaysia dan kedudukan wanita di beberapa negara sedang membangun. Tidak ketinggalan juga, para pelajar disediakan dengan kemahiran-kemahiran khusus seperti kemahiran pendidikan kanak-kanak dan aspek keselamatan serta kesihatan keluarga. Bagi memastikan objektif kursus ini tercapai, aktiviti perkuliahan disokong pula oleh ceramah, forum, siri lawatan dan sebagainya.⁹² (2jam kredit)

19.16) Hubungan Antarabangsa (SKP 3035)

Tujuan ditawarkan kursus ini ialah bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang konsep-konsep dan teori-teori utama dalam bidang perhubungan antarabangsa dan juga mengkaji beberapa isu penting di dalam politik antarabangsa. Kajian ditumpukan kepada dasar dan pelaksanaan dasar luar, bentuk-bentuk interaksi di kalangan negara-negara seperti persaingan kuasa, konflik perang, perlumbaan senjata dan kerjasama⁹³.

(2jam kredit)

19.17) Asas Pentadbiran Islam (SKB 2041)

Kursus ini sangat penting di dalam memberi pendedahan kepada para pelajar tentang struktur pentadbiran dalam Islam. Perbincangan dalam kursus ini merangkumi asas-asas sistem pentadbiran Islam serta perkhidmatan awam dalam Islam.⁹⁴ (2jam kredit)

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ *Ibid.*, h 66

19.18) Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam Di Malaysia (SKB 3026)

Melalui kursus ini, para pelajar didedahkan tentang pentadbiran undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia. Kajian dilakukan ke atas sumber-sumber dan perkembangan serta pentadbiran undang-undang di setiap negeri di Malaysia. Antara undang-undang Islam yang dibincangkan ialah undang-undang kekeluargaan, undang-undang harta, undang-undang acara dan keterangan serta pelbagai kesalahan dalam Islam⁹⁵. (2jam kredit)

19.19) Institusi-institusi Islam Di Malaysia (SKT 2094)

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan yang mendalam kepada para pelajar tentang pelbagai institusi penting di Malaysia yang berperanan mengembangkan syiar Islam dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Pelajar-pelajar berpeluang mengenali dengan lebih dekat struktur, organisasi dan peranan institusi-institusi sosial seperti Baitulmal dan Bank Islam sebagai institusi politik di Malaysia. Mereka juga diberi peranan mengenalpasti kelemahan-kelemahan institusi-institusi Islam di Malaysia kini dan memberi cadangan bagi mengatasinya. (2jam kredit)⁹⁶

19.20) Petempatan Penduduk Dan Ekonomi (SKT 2023)

Kursus ini memberi pendedahan yang luas tentang soal-soal taburan, komposisi, petempatan dan penghijrahan penduduk, bandar, perbandaran dan alam sekitar. Para pelajar juga berpeluang mengkaji aspek berkenaan pada tahap global dan juga rantau Asia serta keadaan tempatan secara khusus dan berbanding. Kursus ini ditawarkan bagi membantu para pelajar

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ *Ibid.*

memahami dengan jelas kepentingan ilmu geografi kemanusiaan dan pengaruhnya kepada dasar pentadbiran dan dasar yang diamalkan.⁹⁷

(2jam kredit)

19.21)Asas-asas perancangan Pembangunan Ekonomi(SKE 3035)

Dalam kursus ini, para pelajar diajar tentang konsep, amalan dan kaedah perancangan pembangunan ekonomi berdasarkan perspektif sistem-sistem ekonomi. Ia termasuklah perancangan pembangunan yang diamalkan di Malaysia⁹⁸. (2jam kredit)

19.22)Dunia Islam Dalam Politik Antarabangsa (SKT 2034)

Kursus ini merangkumi fenomena-fenomena politik zaman penjajahan dan perjuangan kemerdekaan umat Islam dalam organisasi-organisasi antarabangsa. Ia juga menekankan tentang krisis politik dalam negara, imej, kuasa dan pengaruh mereka dalam percantuman politik antarabangsa.⁹⁹

(2jam kredit)

19.23) Reformasi Di Dunia Islam (SKT 3065)

Secara keseluruhannya, kursus ini ditumpukan kepada masyarakat Islam, yang mana ia menyentuh tentang fenomena dan perubahan-perubahan sosio-politik ekonomi masyarakat Islam dan hubungannya dengan kemunculan pemikiran dan gerakan islah. Apabila kita bincangkan tentang reformasi di dunia Islam, secara tidak langsung ia turut menyentuh tokoh-tokoh penting yang menaungi gerakan-gerakan ini di dunia Arab, Turki, Iran, India, Pakistan dan Asia Tenggara. Antaranya ialah Ibnu

⁹⁷ *Ibid.*, h.67.

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ *Ibid.*

Taymiyyah, Jamaluddin al-Afghani, 'Ali Shari'ati, Shah Wahiyullah, Syed Sycikh al-Hadi, Kiyai H.A. Dahlan dan Ahmad Hasan¹⁰⁰.

(2jam kredit)

19.24) Islam Dan Pendidikan (SKT 3075)

Kursus ini adalah berbentuk Sejarah. Ia membincangkan tentang pendidikan dari perspektif Islam dan Barat Moden-Sekular, latar belakang dan perkembangan pendidikan Islam pada zaman awal yang mencakupi pendidikan zaman Rasulullah S.A.W., Khalifah al-Rāsyidin, Bani Umayyah serta 'Abbasiyyah. Turut disentuh dalam kursus ini ialah cabaran dan rintangan dalam pendidikan Islam di negara-negara bukan Islam pada masa kini.¹⁰¹ (2jam kredit)

19.25) Unsur-unsur Geografi Bandar (SKG 1022)

Melalui kursus ini, para pelajar berpeluang mengkaji aspek fizikal dan kegiatan-kegiatan sosioekonomi bandar-bandar serta masalah dan peluang perkembangan sesebuah bandar. Selain itu, kursus ini juga menumpukan kepada aspek-aspek sosioekonomi bandar dalam suasana perindustrian. Satu kajian kes yang mudah diberi kepada setiap pelajar bagi memberikan mereka pendedahan yang berkesan.¹⁰² (2jam kredit)

19.26) Masyarakat Islam Dan Dunia Moden (SKT 3085)

Aspek yang menjadi tumpuan dalam kursus ini ialah masyarakat Islam dan reaksinya terhadap perkembangan-perkembangan baru dunia moden. Kursus ini mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama

¹⁰⁰ *Ibid.*, h.68

¹⁰¹ *Ibid.*, h.68-69.

¹⁰² *Ibid.*, h.69.

membincangkan mengenai unsur-unsur yang terdapat dalam masyarakat Islam seperti sistem kepercayaan orang-orang Islam, dinamisme, modernisme, tradisionalisme dan institusi ulama. Bahagian kedua pula menyentuh persoalan westernisasi dan pertembungannya dengan nilai-nilai Islam, masyarakat Islam minoriti, perubahan sosio-budaya masyarakat ummah dan pemikiran-pemikiran Islam semasa. Manakala bahagian ketiga pula merangkumi aspek kebangkitan Islam dan mobilisasi pemikiran ummah, penyatuan, pembangunan dan masa depan Islam¹⁰³.

(2 jam kredit)

19.27) Pemikiran Politik Islam (SKT 2024)

Pendekatan kursus ini adalah bersifat sejarah. Melalui kursus ini, para pelajar boleh membuat perbandingan di antara teori-teori politik Barat dengan sistem politik Islam yang begitu ideal. Ia juga membincangkan perkembangan politik pada zaman Rasulullah S.A.W., sistem Khilafah Khalifah al-Rāsyidin serta sistem kerajaan Daulah Umaiyyah dan ‘Abbasiyyah. Pada peringkat kontemporari, kursus ini melihat serta menganalisis corak dan masalah politik di nagara-negara Islam dengan mengambil beberapa buah negara terkemuka sebagai kajian.¹⁰⁴(2 jam kredit)

¹⁰³ *Ibid.*

¹⁰⁴ *Ibid.*

Sinopsis Kursus Program.

1) Ayat Ahkam (SYA 3013)

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada para pelajar tentang rahsia yang terkandung di dalam al-Quran dan mengembangkan bakat mereka bagi membolehkan mereka mengistinbatkan hukum-hukum fiqh serta mengeluarkan dalilnya. Ayat-ayat yang dipilih menyentuh pelbagai bidang kehidupan insan. Ia berkaitan dengan bacaan Bismillah, surah *al-Fātihah*, bersuci, junub, berwudhuk, tayammum, kiblat, masjid, sembahyang fardhu sunat, musafir, jemaah, jumaat, puasa dan juga kajian ayat-ayat yang menyentuh permasalahan kemasyarakatan. Ia termasuklah sihir, berbuat baik kepada kedua ibubapa, berita yang diterima dari orang yang fasiq dan hukum meminta izin. Di samping itu, ia turut membincangkan ayat-ayat yang berkaitan dengan kesenian, makanan dan minuman, muamalat seperti jual beli, sistem kekeluargaan, jenayah, hukum hudud, jihad dan system kehakiman serta ciri-ciri pembuktian¹⁰⁷. (3jam kredit)

2) *Tārikh Tasyri'* (SYA 3023)

Melalui kursus ini, para pelajar berpeluang mengkaji falsafah perundangan Islam dan sejarahnya sejak zaman Rasulullah S.A.W. hinggalah sekarang. Tujuannya ialah bagi melengkapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan yang betul mengenai semangat perundangan Islam yang didatangkan secara beransur-ansur serta kesesuaian dengan kehendak masa dan tempat. Selain itu, para pelajar juga diberi

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*, h 70-71.

pendedahan tentang keistimewaan dan kelebihan Syariat Islam, falsafah perundangan Islam, perbandingan antara undang-undang syariah Islam dan adat, tahap-tahap yang dilalui oleh perundangan Islam dan sumber perundangan Islam seperti al-Quran, Sunnah, Ijma', *Qiyās, Istihsan Masālih al-Mursalāh, Istishāb, Syaru' man Qablanā dan Qawl al-Sahāb*¹⁰⁸. (3jam kredit)

3) *Mabādi' al-Qānūn* (SYA 3033)

Kursus ini pula memperkenalkan para pelajar perkara-perkara yang berhubung dengan perundangan. Ia termasuklah jenis undang-undang, punca perundangan, perbandingan antara undang-undang dengan adat, prinsip undang-undang Islam, hak-hak politik, harta benda, kemanusiaan dan hasilcipta.¹⁰⁹

4) *Farāidh* (SYA 3043)

Kursus ini membincangkan kaedah-kaedah pembahagian harta pusaka dan cara menyelesaikannya. Antara kandungan kursus ini ialah pengenalan mengenai mirath dan pusaka serta hak-hak yang berkaitan dengannya, sebab-sebab menerima pusaka dan halangan dari menerimanya, ashab furudh dan keadaan mereka, asābah, hijab, 'aul, mirath janin, orang yang hilang dan khunsa, perkongsian dan juga rad.¹¹⁰

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 71

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ *Ibid.*

5) Ahadith Ahkam (SYA 3053)

Kursus ini membolehkan pelajar memahami hukum Syara' melalui hadith-hadith Nabawi dan mengamalkannya. Hadith-hadith yang dikaji berkaitan dengan bersuci, sembahyang, menguruskan jenazah, zakat, jihad, sumpah dan juga nazar.¹¹¹

6) Qawāid Fiqhiyyah (SYA 3063)

Kursus ini membolehkan pelajar mengetahui hukum-hukum Fiqh melalui penggunaan kaedah fiqh. Ia juga bertujuan untuk memberikan pelajar pengetahuan tentang cara fuqaha menyusun kaedah-kaedah ini dan bagaimanakah ia digunakan untuk memahami hukum-hukum Syara' terutamanya yang berkaitan dengan masalah-masalah fiqh semasa. Antara kaedah-kaedah yang dibincangkan di dalam kursus ini ialah Kaedah al-aslu barāatu al-zimmah', al-masyaqqah tajlibu al-taisir dan sebagainya lagi.¹¹²

7) Fiqh Muqāran (SYA 3073)

Kursus ini mengkaji sebahagian hukum-hukum Fiqh yang menjadi perselisihan para fuqaha'. Para pelajar diberikan pengenalan terlebih dahulu mengenai sumber-sumber fiqh, hukum bertaqlid dan bertalfiq, makna fiqh muqāran dan faedah mempelajarinya serta sebab-sebab perselisihan para fuqaha. Selepas pengenalan ini, barulah dibentangkan pandangan dan perselisihan fuqaha dalam masalah-masalah seperti samakan, niat, wudhu, menyentuh perempuan,

¹¹¹ *Ibid.*, h.72.

¹¹² *Ibid.*

menyentuh mashaf dan menanggungnya, tidur yang membatalkan wudhu, tayammum bagi orang yang bimbang bertambah penyakitnya atau tidak dapat sampai ke tempat air, hukum menyapu di atas stokin dalam wudhuk, menyapu di atas balutan, menghilangkan najis untuk bersembahyang, bacaan fatihah dan basmalah dalam sembahyang, qunut subuh, mengqadhakan sembahyang yang tertinggal, sembahyang jamak dan qasar, rukyah dan hisab, zakat harta kanak-kanak, zakat emas dan perak yang dijadikan perhiasan, wali nikah, saksi nikah, nikah muta'ah, sembelihan ahli kitab dan Majusi, perbezaan negeri dalam masalah mirāth dan juga mengenai janin yang digugurkan oleh ibunya¹¹³.

8) Kertas Projek (SYA 3016)

Subjek ini bertujuan melatih pelajar melakukan penyelidikan ilmiah melalui teknik penulisan dan latihan praktikal yang lebih teratur dan tersusun selaras dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kolej.¹¹⁴

3.5.7.) Peperiksaan dan Sistem Penilaian

Urusan peperiksaan para pelajar KUSZA dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan. Ia ditubuhkan oleh Jawatankuasa Akademik KUSZA, yang mana ia merupakan salah satu daripada tiga jawatankuasa di bawah Majlis KUSZA¹¹⁵.

¹¹³ *Ibid*

¹¹⁴ *Ibid.*, h.73.

¹¹⁵ *Buku Panduan KUSZA* (1987), Kuala Terengganu: KUSZA, h.12.

Sistem Penilaian.

Bagi memastikan para pelajar KUSZA mempunyai kualiti yang tinggi, pihak KUSZA telah mewujudkan satu sistem penilaian. Pencapaian para pelajar dinilai melalui 2 perkara:

1)Peperiksaan

Markah yang diperuntukkan untuk peperiksaan akhir semester tidak kurang dari 50%.¹¹⁶

2)Kerja Kursus

Setiap pelajar akan dinilai berdasarkan kepada kerja-kerja kursus seperti esei, kajian kes, projek, kerja amali, penyelidikan dan perbincangan sepanjang semester. Ia juga merangkumi ujian kelas dan ujian bulanan. Markah yang ditetapkan untuk kerja kursus tidak melebihi dari 50%¹¹⁷.

Penentuan Taraf Lulus Atau Gagal.

Seseorang pelajar KUSZA itu dikatakan lulus apabila C.G.P.A., atau Gred Himpunan Purata (G.H.P.) mencapai sekurang-kurangnya 2.00. Tetapi, terdapat sedikit pengecualian yang mana pencapaian pada semester I tidak diambil kira bagi menentukan taraf lulus atau gagal. Ini bermakna, sekiranya seseorang pelajar mencapai Gred Mata Purata (G.M.P.) di bawah 2.00 pada semester I, dan melebihi

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ *Ibid.*

2.00 pada semester-semester seterusnya, maka pelajar tersebut masih dikira sebagai lulus.¹¹⁸

Penggredan.

Satu sistem gred telah ditetapkan oleh pihak KUSZA bagi menentukan pencapaian para pelajar. Gred-gred yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Sistem Penggredan KUSZA.¹¹⁹

% Markah	Gred	Mata Nilai Gred
90-100	A+	4.00
80-89	A	4.00
75-79	A-	3.67
70-74	B+	3.33
65-69	B	3.00
60-64	B-	2.67
55-59	C+	2.33
50-54	C	2.00
47-49	C-	1.67
44-46	D+	1.33
40-43	D	1.00
39 Ke bawah	F	0.00

¹¹⁸ Prospektus Sekolah Pengajian Islam (2002), h. 5.

¹¹⁹ *Ibid.*, h. 5.

Penilaian.

Pencapaian pelajar dalam setiap semester akan dikira berdasarkan Gred Mata Purata (G.M.P.) dan Gred Himpunan Purata (G.H.P.). Berikut adalah cara pengiraan G.M.P dan G.H.P:

$$\text{Gred Mata Purata (G.M.P.)} = \frac{\text{Jumlah Mata Kredit Yang Dicapai Untuk Semester Itu}}{\text{Jumlah Jam Kredit Yang Diambil Untuk Semester Itu}}$$

$$\text{Gred Himpunan Purata (G.H.P)} = \frac{\text{Jumlah Semua Gred Mata}}{\text{Jumlah Jam Kredit Yang Diambil Untuk Semua Semester}}$$

Senarai Dekan.

Para pelajar yang memperoleh P.M.G. 3.5 ke atas akan disenaraikan dalam Senarai Dekan. Mereka akan dikecualikan daripada bayaran yuran pengajian.¹²⁰

Penganugerahan Diploma.

Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk layak dianugerahkan Diploma:

- 1) Mencapai Gred Himpunan Mata sekurang-kurangnya 2.0.

¹²⁰ *Ibid.*, h. 6.

- 2) Memenuhi jumlah jam kredit seperti yang telah ditetapkan.
- 3) Menyempurnakan Latihan Praktikal dengan memuaskan¹²¹.

3.5.8) Pensyarah Diploma Pengajian Islam (Svariah) KUSZA

Dari segi perlantikan pensyarah, KUSZA telah memilih pensyarah-pensyarah yang berkualiti dan berkelayakan. Mereka terdiri daripada lulusan universiti luar dan dalam negara dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Hal ini selaras dengan keperluan profesion ini yang sememangnya memerlukan pensyarah yang mempunyai asas pengetahuan yang luas dalam sesuatu bidang. Mereka juga perlu menggunakan kebijaksanaan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan untuk menyelesaikan apa juga masalah yang timbul dalam proses pembelajaran¹²².

Ketua Program Syariah (Penyelaras) :

Ustaz Kamarudin Bin Awang Mat

BA (Al-Azhar), MA (UIA).

Pensyarah-pensyarah:

1. Ustaz Ahmad Shahrudin Bin Tahar

B.A. (Al-Azhar)

2. Ustaz Abdul Halim Bin Awang @ Sulong.

B.A (Madinah), M.A. (Morocco).

¹²¹ *Ibid.*

¹²² Isahak Haron, *Keguruan dan Perguruan: Ke Arah Satu Profesion dalam Isahak Haron et al (1982), Asas-asas Dalam Amalan Pedagogi I*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributor Sdn Bhd, h. 199.

3. Ustaz Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali
B.A. (Al-Azhar), M.A (UIA).
4. Ustaz Ibrahim Bin Embong
B.A (Al-Azhar), Dip.Kehakiman Islam (UIA).
5. Ustaz Jamaluddin Bin Hashim
6. Ustaz Mansor Bin Abdullah
7. Ustaz Mohd. Fadzil Bin Mustafa
B.A (Al-Azhar), M.A (U.I.A.).
8. Ustaz Mohd. Ali bin Mohd. Yusoff
B.A. (Madinah).
9. Ustazah Ramlah Binti Mat Ali
DPI (KUSZA), B.A (Al Azhar), M.A. (Manchester).
10. Ustazah Siti Khadijah Binti Ismail
DPI, DLPI (KUSZA).
11. Ustazah Syarifah Noorulmadiah Binti Syed Husin
DPI (KUSZA), B.A. (Al-Azhar).
12. Ustaz Wan Abdullah Bin Wan Salleh
B.A. (Al-azhar), M.A. (UKM).
13. Ustaz Wan Mohd. Yusuf Bin Wan Chik
DPI (KUSZA), B.a (Al-Azhar).
14. Ustazah Zainun Binti Mohamed
B.A (UKM), M.A. (UPM).

15. Ustaz Zulkifli Bin Mohd.

B.A. (UM), M.A. (UIA).¹²³

3.5.9) Pengiktirafan Akademik

Setelah hampir 20 tahun penubuhan KUSZA, kolej ini telah mendapat pelbagai pengiktirafan akademik. Ia bukan sahaja diiktiraf oleh universiti-universiti tempatan, malah turut diiktiraf oleh universiti Timur Tengah dan Barat.¹²⁴

1) Universiti Dalam Negeri

- a) Universiti Kebangsaan Malaysia
- b) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- c) Universiti Malaya
- d) Universiti Putra Malaysia

2) Universiti Luar Negeri

- a) Universiti Al-Azhar
- b) Universiti Mohd Al-Khamis, Maghribi
- c) Universiti Antarabangsa Afrika, Sudan
- d) Universiti Temple, USA
- e) Universiti Kent at Canterbury¹²⁵

¹²³Kamarudin Bin Awang Mat, Pejabat Pentadbiran Sekolah Pengajian Islam KUSZA (selaku Penyelaras Program Syariah), Kuala Terengganu, 6 Ogos 2002, jam 10.00 pagi.

¹²⁴ *Al-Ussrah* (2001), h. 7.

¹²⁵ *Prospektus*, h. 7.

3.6) PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN ILMIAH SEKOLAH PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH) KUSZA

Menjalankan penyelidikan adalah salah satu tugas penting institusi pengajian tinggi. Isu penyelidikan di IPT telah menjadi perhatian di negara kita sejak beberapa abad yang lalu. Dr. Abd. Halim dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya telah menyarankan supaya IPT Islam di negara kita melipat gandakan usaha penyelidikan.¹²⁶

Sebagai sebuah kolej yang unggul, KUSZA juga tidak ketinggalan dalam bidang penyelidikan. Sekolah Pengajian Islam (Syariah) setakat ini telah berjaya menghasilkan banyak latihan ilmiah yang mana ia diwajibkan kepada setiap pelajar tahun akhir.¹²⁷ Selain itu, terdapat juga para pensyarah yang menyambung pengajian di peringkat Sarjana di universiti-universiti tempatan dan luar negara, telah menghasilkan penyelidikan. Penyelidikan-penyelidikan atau disertasi ini disimpan di Perpustakaan Al-Mukhtar, KUSZA untuk dijadikan bahan rujukan¹²⁸.

KUSZA juga telah mengadakan beberapa seminar samada di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Walaubagaimanapun, hanya sebilangan kecil sahaja seminar yang berkaitan dengan program Syariah, iaitu :

¹²⁶ Abd. Halim bin Haji Mat Diah (1987), "Pemikiran Islam: Peranan Pusat Pengajian di Malaysia" (Kertas Kerja), dalam Seminar Pemikiran Islam Ke Arah Pemurnian Pemikiran Islam di Malaysia, pada 9 dan 10 November 1987, di Dewan Kuliah I, Anjuran Fakulti Usuludin, APIUM, KL, hlm 18.

¹²⁷ Sila Rujuk Lampiran.

¹²⁸ Sila Rujuk Lampiran.

1. *Seminar Ilmu Falak Peringkat Kebangsaan* pada tahun 1993 di KUSZA dan dianjurkan oleh Bahagian Hal ehwal Agama Islam , Jabatan Perdana Menteri dan Persatuan Falak Syarie Malaysia.
2. *Seminar Sistem Perundangan Insurans Mengikut Perspektif al-Quran dan al-Sunnah (18 Mei 2002)*, Anjuran Kelab Insurans dengan kerjasama Program Syariah.¹²⁹

Satu pembentangan kertas kerja juga telah diadakan oleh pensyarah pelawat bagi program Syariah, iaitu Prof Dato' Dr. Mahfodz Mohamad. Kertas kerja ini bertajuk *Hukuman Ta'zir dan Pelaksanaannya di Malaysia : Satu Penilaian (29 Januari 2003)*¹³⁰.

3.7) PENUTUP

Daripada apa yang telah dibincangkan dalam bab ketiga ini, bolehlah disimpulkan bahawa KUSZA merupakan sebuah gedung ilmu Islam yang mempunyai cita-cita dan wawasan tersendiri. Program-program yang ditawarkan di KUSZA bukan hanya tertumpu kepada pengajian Islam, tetapi turut memfokuskan kepada ilmu-ilmu yang berbentuk professional dan duniawi. Tetapi, para pelajar yang mengambil jurusan bukan pengajian Islam, turut diwajibkan mengambil matapelajaran mengenai Islam. Manakala, para pelajar yang mengambil jurusan

¹²⁹ Hasil temuramah dengan Ustaz kamarudin Bin Awang Mat (Penyelar Program Syariah).

¹³⁰ *Ibid.*

Pengajian Islam pula, diwajibkan mengambil matapelajaran elektif yang bukan berada di bawah Sekolah Pengajian Islam.

Program Diploma Pengajian Islam (Syariah) di KUSZA pula telah berjaya melahirkan ramai graduan yang berkualiti dan diiktiraf oleh masyarakat. Dengan ini, mereka akan dapat berbakti kepada masyarakat dan membantu masyarakat menyelesaikan permasalahan baru yang sentiasa timbul. Dengan adanya pengiktirafan akademik oleh beberapa buah universiti tempatan dan luar negara, para graduan Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA berpeluang menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Peranan KUSZA sebagai sebuah pusat pengajian tinggi Islam perlulah dihargai oleh masyarakat. KUSZA pastinya akan terus berkembang sebagai pusat perkembangan ilmu sekiranya mendapat sokongan kerajaan dan juga masyarakat Islam khususnya.